

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 MARCH 2015

# Komponen BN sokong Najib

» 13 parti ikrar sebulat suara mahu PM terus pimpin negara

Oleh Faiza Zainudin dan M Hifzuddin Ikhsan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**emua 13 parti komponen Barisan Nasional (BN) semalam berikrar sebulat suara untuk berdiri teguh dan menyatakan sokongan penuh terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam mendepani cabaran meneruskan usaha mentransformasikan negara.

Sokongan padu itu dinyatakan dalam mesyuarat khas yang dihadiri semua 13 parti komponen termasuk dari Sarawak dan Sabah, di Bangunan Parlimen di sini, semalam.

Bercakap pada sidang media

bagi mewakili semua parti komponen selepas mesyuarat khas Presiden komponen BN itu, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata mesyuarat khas berkenaan bertujuan menepis sebarang spekulasi dan isu semasa dipertakakan ketika ini.

“Kami presiden parti komponen BN berdiri teguh dan menyokong kepemimpinan Najib yang juga Pengerusi BN,” katanya.

Pemimpin BN lain yang hadir pada sidang media itu ialah Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel; Presiden PBB, Tan Sri Adenan Satem; Presiden GERAKAN, Datuk Mah Siew Keong; Presiden PPP, Tan Sri M Kayveas; Presiden PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan; Presiden PBRIS, Tan Sri Joseph Kurup; Presiden LDP, Datuk Teo Chee Kang; Pemangku Presiden UPKO, Datuk Wilfred Madius Tangau; Presiden SPDP, Datuk Seri Tiong King Sing; Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Prof Datuk Dr Sim Kui Hian, manakala Parti

Rakyat Sarawak (PRS) diwakili Timbalan Presidennya, Datuk Joseph Entulu.

Yang turut hadir pada mesyuarat itu ialah Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

## Sokong capai wawasan

Tiong Lai berkata, parti komponen BN juga menyokong kepemimpinan Najib untuk memacu negara ini ke arah mencapai wawasannya menjadi

negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

“Kami akan sentiasa berdiri teguh di belakang beliau dan yakin dengan kepemimpinan beliau,” katanya.

Diminta mengulas mengenai undang-undang hudud untuk umat Islam yang diluluskan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan, Liow berkata, Perdana Menteri akan mengeluarkan kenyataan mengenai perkara itu, hari ini.

DUN Kelantan semalam sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Pindaan 2015) yang membolehkan undang-undang hudud dilaksanakan terhadap umat Islam.

Sementara itu, Adenan yang juga Ketua Menteri Sarawak, berkata sokongan turut diberi parti komponen BN dari Sabah dan Sarawak.

“Najib menerima sokongan penuh daripada semua parti komponen termasuk dari Sabah dan Sarawak yang sentiasa berdiri teguh bersamanya,” katanya.

“  
Kami presiden parti komponen BN berdiri teguh dan menyokong kepemimpinan Najib yang juga Pengerusi BN”

**Liow Tiong Lai,**  
Presiden MCA

BH - 20/3/2015